

Sikap Pelajar Terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya Kepada Pembentukan Sahsia : Kajian Di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu

Mohd Khusyairie bin Marzuki¹, Mohd Muhiden bin Abdul Rahman², Affendi bin Ismail³

¹Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

²Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA cawangan Kelantan

Kata kunci: sikap, amalan solat, pembentukan sahsiah.

Abstrak. Melihat fenomena sikap manusia pada hari ini yang memandang mudah terhadap tuntutan solat fardu sangat membimbangkan. Malahan ada dalam kalangan masyarakat yang gagal menyempurnakan solat fardu seharian. Para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga tidak terkecuali dalam masalah ini, berdasarkan temu bual secara tidak langsung, ada kalangan pelajar yang mengakui tidak menunaikan solat, terutamanya solat Subuh dan sebahagian solat fardu yang lain tanpa sebarang alasan uzur syarie. Antara punca masalah ini berlaku adalah disebabkan oleh sikap mereka yang menganggap solat itu perkara yang remeh di samping tahap kesedaran yang rendah untuk melaksanakan solat fardu. Selain itu, antara faktor-faktor lain yang dikenal pasti termasuklah penekanan pendidikan tentang solat fardu dari kalangan ibu bapa, tiada dorongan dari masyarakat sekeliling, malah yang lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa pada hari ini yang tidak bersolat. Kajian ini mempunyai tiga matlamat utama iaitu mengkaji tahap kefahaman pelajar tentang solat fardu, menentukan faktor-faktor yang mendorong kesedaran pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan mengetahui sikap pelajar terhadap kewajipan solat fardu. Bagi mencapai matlamat ini, kajian telah dijalankan terhadap 100 responden yang terdiri daripada para pelajar baru sepenuh masa di peringkat pengajian Ijazah Pertama di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min. Data kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 22.0. Hasil dapatan menunjukkan bahawa responden yang mempunyai kefahaman serta kesedaran tentang kewajipan solat fardu adalah memuaskan dengan skor min 4.75. Namun, tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan. Hasil dapatan dicadangkan, agar pihak pengurusannya dapat memberikan penekanan terhadap pelaksanaan solat dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingannya.

PENGENALAN

Hari ini kita telah memperlihatkan betapa ramai masyarakat Islam yang tidak menjunjung perintah menunaikan solat sebagai melaksanakan kewajipan rukun Islam ke 2. Kita melihat betapa ramai umat Islam yang meninggalkannya tanpa merasa bersalah, melihat pelbagai gelagat orang yang menunaikan solat. Ada dalam kalangan mereka yang terus menerus bersolat atau kadang-kadang sahaja bersolat malah ada juga yang secara berterusan meninggalkan solat.¹ Solat merupakan kewajipan yang difardukan ke atas setiap Mukmin². Kewajipan solat ke atas setiap orang Muslim lelaki dan perempuan, baligh, berakal.³ Sesiapa yang mengingkari perintah Allah dalam mendirikan solat maka ianya telah melanggar batasan hukum syarak dan dikatakan sebagai seorang fasiq yang nyata. Hikmah pensyariatan solat antaranya, dengan mendirikan solat seseorang itu dapat membersihkan diri dan mensucikan jiwanya, mendekatkan diri seorang hamba untuk bermunajat kepada Allah di dunia dan menjadikan seseorang itu hampir dengan Allah pada hari Akhirat kelak, seperti mana solat itu dapat mencegah seseorang daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Gejala pengabaian kewajipan solat berlaku di semua peringkat masyarakat tidak mengira golongan muda mahupun tua. Fenomena sikap yang memandang mudah terhadap tuntutan solat fardu sangat membimbangkan. Malah ada dalam kalangan masyarakat yang langsung tidak mendirikan solat fardu seharian. Para pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) juga tidak terkecuali dalam masalah ini, berdasarkan temubual secara tidak langsung dengan mereka, ada yang mengakui tidak menunaikan solat, terutamanya solat Subuh dan solat-solat fardu yang lain tanpa sebarang alasan uzur syarie. Antara punca masalah ini berlaku adalah disebabkan oleh sikap mereka yang menganggap solat itu perkara yang remeh di samping kurang kesedaran diri untuk melaksanakan solat fardu. Terdapat beberapa faktor lain yang menjadi antara punca masalah ini seperti ibu bapa yang kurang memberikan penekanan pendidikan tentang solat fardu, tiada

dorongan dari masyarakat sekeliling, malah yang lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa pada hari ini yang tidak bersolat di rumah.

PENYATAAN MASALAH

Masalah ada kalangan pelajar yang mengakui tidak menunaikan solat, terutamanya solat Subuh dan sebahagian solat fardu yang lain tanpa sebarang alasan uzur syarie dikenal pasti ketika pensyarah membuat penilaian dengan mengemukakan pertanyaan secara tidak langsung setiap kali masuk ke kelas sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Antara punca masalah ini berlaku adalah disebabkan oleh sikap mereka yang menganggap solat itu perkara yang remeh di samping tahap kesedaran yang rendah untuk melaksanakan solat fardu.

Antara faktor-faktor lain yang dikenal pasti termasuklah penekanan pendidikan tentang solat fardu dari kalangan ibu bapa, tiada dorongan dari masyarakat sekeliling, malah yang lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa pada hari ini yang tidak bersolat. Ini berdasarkan temu bual dengan beberapa orang pensyarah di Jabatan Pengajian Am, Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka, (Mardziah, 2006). Begitu juga hasil dapatan kajian ke atas pelajar–pelajar Muslim di Kolej Komuniti Selandar Melaka, mendapati tahap kefahaman dan pelaksanaan solat fardu berada pada tahap yang sederhana (Rahmat & Mohd Toriq, 2012)⁴.

Menurut (Rosnah, 2007) ibubapa yang kurang memberi penekanan tentang kewajipan solat kepada anak-anaknya akan meyebabkan pelajar tidak melakukan ibadat solat di rumah maka ia memberi contoh yang tidak baik kepada pelajar untuk mempraktikkan dan mengamalkannya di rumah. Pada hakikatnya pendidikan solat bukan sahaja perlu diberi penekanan di rumah semata-mata tetapi harus bermula di rumah. Kegagalan sistem kekeluargaan itu sendiri dalam mendidik anak-anak untuk melakukan solat akan menyukarkan guru untuk memberi tunjuk ajar kepada mereka.⁵

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar, faktor pendorong pengamalan solat dan sikap pelajar terhadap amalan solat fardu di kalangan pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu. Hasil dapatan dari kajian yang dilakukan ini, diharapkan boleh membantu pihak pengurusan UiTM Kota Bharu untuk membuat pemantauan, penambahbaikan dengan mempertingkatkan lagi aktiviti dan program bagi membantu dan membimbing pelajar UiTM Kota Bharu untuk meningkatkan tahap kefahaman, pengamalan dan sikap pelajar terhadap kewajipan solat fardu.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menenal pasti tahap kefahaman pelajar tentang kewajipan solat fardu.
2. Menenal pasti faktor-faktor yang mendorong pengamalan pelajar terhadap solat fardu.
3. Menilai sejauh mana sikap pelajar terhadap kewajipan amalan solat fardu.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimanakah tahap kefahaman pelajar tentang kewajipan solat fardu?
2. Apakah faktor-faktor yang mendorong pengamalan pelajar terhadap solat fardu?
3. Sejauh mana sikap pelajar terhadap kewajipan amalan solat fardu?

KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil dapatan dari kajian ini boleh membantu pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Kelantan kampus Kota Bharu mengenal pasti tahap kefahaman pelajar-pelajar mereka berkaitan solat fardu. Selain itu, Pensyarah ACIS dan Pegawai Hal Ehwal Islam Kanan juga boleh melakukan pemantauan, penambahbaikan dan mengadakan aktiviti-aktiviti berbentuk program dan kursus pemantapan solat bagi membimbing dan membantu pelajar-pelajar di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu untuk meningkatkan tahap kefahaman solat fardu mereka agar tata cara pelaksanaannya akan menjadi lebih baik lagi. Hal yang sedemikian ini dapat menjadikan mereka insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelektual selaras dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara.

1 Amran Kasimin, *Bagaimana Mencegah kejahatan Melalui Sembahyang* (Kuala Lumpur : Dinie Publisher, 1992), 168.
2 Abī Bakr Jābir al-Jazā’iriy, *Minhāj al-Muslim* (Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-Ulūm wa Hikām, 2000), 166.
3 Muṣṭafa Khin dan Muṣṭafa Bugho, *Fiqh Manhājī ‘ala Mazhab Imām al-Syafi’ī* (Dimasq : Dār al-Qalam, 1998), 112.

4 Hasna Bidin, et. al, “Kefahaman Ibaat Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Muslim : Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka”, laman sesawang *google scholar*, dicapai 16 Januari 2018, http: http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/663
5 Sharifah Nur Abu, “Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak”, laman sesawang *google scholar*, dicapai 16 Januari 2018, http://dspace.poliku.edu.my/jspui/bitstream /123456789/636/1/Pengamalan%20solat%20fardhu%20di%20PKS.pdf

SKOP KAJIAN

Kajian dijalankan di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu yang merupakan salah sebuah IPT di Negeri Kelantan. Seramai 100 responden yang terdiri daripada pelajar baharu sepenuh masa peringkat pengajian Ijazah Pertama (bagi sesi September 2017) yang terdiri daripada lima program pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik serta Sains Komputer & Matematik telah dipilih secara rawak. Skop kajian ini menumpukan kepada tiga aspek utama iaitu tahap kefahaman responden terhadap kewajipan solat fardu, faktor-faktor yang mendorong pengamalan solat fardu dan melihat sejauh mana sikap terhadap kewajipan solat fardu.

SOROTAN LITERATUR

Dalam kajian ini, Pengkaji membuat beberapa sorotan literatur yang berkaitan dengan tajuk pengamalan solat fardu dalam kalangan pelajar di sekolah dan di beberapa buat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seperti kajian di sekolah Menengah sekitar Pasir Puteh, Kelantan dan di Sekolah Menengah Daerah Keningau Sabah, di Politeknik Kuching Sarawak, di TATI University Collage (TATIUC) Kemaman Terengganu, dan di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Selangor. Tujuan Pengkaji mengambil kajian lepas adalah untuk mengukuhkan dapatan kajian yang dilakukan tersebut.

Menurut Mohd Suhardi Mat Jusoh (2004) dalam disertasi bertajuk : “Pengabaian Solat Fardu di kalangan remaja : Kajian di Sekolah Menengah di sekitar Pasir Puteh, Kelantan”. Beliau mendapati bahawa tahap pengamalan solat fardu adalah berbeza-beza di kalangan remaja Islam. Buktinya ialah peratusan pelajar remaja yang mengerjakan solat fardu secara konsisten hanyalah sebanyak 53.2%, manakala bakinya sebanyak 46.7% mereka yang tidak konsisten dalam melakukan solat fardu. Sifat malas dan sibuk dengan urusan lain merupakan di antara sebab utama kebanyakan pelajar remaja meninggalkan solat fardu. Kenyataan ini terbukti apabila seramai 77.8% responden memberi jawapan bahawa punca utama mereka meninggalkan solat fardu adalah kerana malas dan sibuk dengan urusan lain.⁶

Razmi@ Hilmi Mohamad @ Sulaiman (2015) dengan disertasinya berjudul Hubungan antara pengamalan solat fardu dengan perilaku delinkuen pelajar : Kajian di Sekolah Menengah Daerah Keningau Sabah. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tahap pengamalan solat dan hubungan antara pengamalan solat fardu dengan perilaku delinkuen dalam kalangan pelajar sekolah menengah di daerah Keningau Sabah. Hasil kajian mendapat tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam amalan solat berdasasarkan jantina.⁷

Dalam kajian yang dilakukan oleh Sharifah Nur binti Abu (2012) yang bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman, tahap pengamalan solat fardu dan faktor yang mempengaruhi pelajar Politeknik Kuching melaksanakan solat fardu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa lebih 74.7% mengetahui akan balasan Allah terhadap mereka yang ingkar terhadap perintahNya, manakala factor mengingatkan pelajar untuk menunaikan solat fardu mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 56%.

Menurut Hilmi Ismail (2010) menerusi disertasinya bertajuk Pengamalan Solat Fardu di kalangan mahasiswa di TATI Universtiy Collage (TATIUC) Kemaman, Terengganu. Antara tujuan kajiannya adalah untuk mengenalpasti kefahaman dan pengamalan solat fardhu di kalangan mahasiswa TATI dan faktor latar belakang pendidikan awal dan tempat tinggal mahasiswa dalam mempengaruhi amalan solat mereka. Hasil dapatan menuunjukkan bahawa sebanyak 21 % menyatakan solat cukup lima waktu, 43 % menyatakan solat tidak cukup lima waktu. Kajian mendapati mereka yang berasal dari kampung adalah lebih baik berbanding dengan yang berasal dari bandar. Ia mungkin berkaitan faktor penekanan ibu bapa, suasana persekitaran kampung yang lebih terpelihara dari gejala sosial, kewujudan kelas-kelas agama⁸

Dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Rokiah (2007), dalam latihan ilmiahnya bertajuk Amalan Solat di Kalangan pelajar : Kajian di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Selangor. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa tahap amalan solaat dan tahap akhlak pelajar berada pada tahap tinggi. Hasil kajian mendapati wujud hubungan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar⁹

Setelah meneliti dapatan kajian-kajian lepas, Pengkaji dapat merumuskan bahawa kefahaman, pengamlaan dan sikap pelajar di sekolah menengah dan di Insittusi Pengajian Tinggi (IPT) berada pada tahap yang kurang memuaskan. Pada hemat Pengkaji, kadar pelaksanaan solat fardu yang rendah ini dapat dikaitkan dengan kurangnya kefahaman dan kesedaran tentang tanggungjawab mereka terhadap amanah yang Allah SWT berikan. Dalam kajian ini Pengkaji ingin mengetahui sejauh manakah tahap kefahaman dan sikap terhadap amalan solat fardu dan ingin melihat faktor-faktor yang mendorong mereka mendapat kesedaran untuk bersolat.

METODOLOGI KAJIAN

A) Rekabentuk Kajian. Kajian ini merupakan satu kajian yang berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif digunakan bagi menghuraikan taburan pola penyesuaian iaitu penyesuaian keseluruhan, akademik sosial, personal emosional dan penyesuaian komitmen-matlamat.¹⁰Kajian deskriptif ialah kajian yang bertujuan untuk menjelaskan tentang sesuatu fenomena yang berlaku.¹¹Tujuan Pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pembentukan sahsiah pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong mereka menunaikan amalan solat dan menganalisis sikap pelajar terhadap amalan solat hubungannya dengan pembentukan sahsiah. Pengkaji mendapatkan data dan maklumat kajian melalui sampel saiz tertentu dan maklumbalas yang diberikan oleh repsonden.

B) Populasi dan Sampel Kajian. Populasi ialah satu set ciri yang menunjukkan ukuran yang tertentu ke atas sekumpulan individu atau objek.¹²Sampel kajian pula ialah satu kumpulan kecil atau suatu *subset* yang diambil daripada populasi. Dengan kata lainnya, sebahagian daripada populasi yang dicerap oleh penyelidik.¹³ Responden dalam kajian ini ditentukan berdasarkan Jadual Penentuan Sampel Saiz Krejcie dan Morgan 1970 di mana, bilangan populasi seramai 150 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda kemasukan September 2017 semester 1, memerlukan seramai 100 orang responden dalam kajian ini. Sampel dalam kajian ini ialah pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu, sepenuh masa di peringkat pengajian Ijazah Pertama yang 5 Program Pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik, Sains Komputer dan Matematik telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel kajian.

C) Instrumen Kajian. Instrumen kajian ialah alat untuk mendapatkan data dari sampel kajian. Instrumen kajian akan menentukan jenis data yang diperolehi dan mempengaruhi jenis analisa data. Teknik pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik. Soal selidik adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan dalam kajian untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat .¹⁴Kelebihan soalan dalam soal selidik ini adalah memudahkan penyelidik untuk memasukkan data dan jawapan. Responden juga tidak perlu menulis penulisan yang penuh hanya perlu menandakan jawapan yang sesuai dalam masa yang singkat.¹⁵

Penyelidik telah membahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A (Demografi Responden), Bahagian B (Kefahaman tentang Solat Fardu), Bahagian C (Faktor-Faktor Pendorong Pengamalan Solat) dan Bahagian D (Sikap Terhadap Amalan Solat Fardu).

D) Kajian Rintis. Tujuan kajian rintis ialah apabila item-item soal selidik yang kita gunakan dibina oleh kita sendiri Ia bertujuan untuk menilai *validity* terhadap item-item tersebut. Kajian rintis adalah untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item soal selidik yang dibina oleh Penyelidik. Melalui kajian rintis, Penyelidik dapat mengenal pasti kesukaran item seperti salam faham terhadap soalan oleh responden, arahan yang tidak jelas dan masalah lain yang berkaitan. Untuk tujuan kajian rintis ini, Penyelidik telah memilih 30 orang pelajar UiTM Kelantan kampus Machang untuk menjawab soalan.¹⁶

Kebolehpercayaan merujuk kepada sejauh mana ukuran sebuah konsep itu stabil (Bryman & Bell, 2003). Ia merujuk kepada keupayaan keputusan dan penggunaan prosedur pengukuran boleh menghasilkan keputusan yang konsisten/stabil bagi suatu jangka masa panjang (Carmines & Zeller, 1979). Ujian kebolehpercayaan adalah menggunakan nilai *Cronbach Alpha*. Ia mengambil nilai pekali alfa dari 0 ke 1. Jika nilai alfa ialah 1.0, ini menunjukkan nilai sempurna iaitu semua item telah mengukur nilai dengan tepat. Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa semakin tinggi pekali, maka semakin baik alat ukur tersebut (Sekaran, 2003). Menurut

6 Mohd Suhardi Mat Jusoh, “Pengabaian Solat Fardhu di kalanagan remaja : Kajian di Sekolah Menengah di sekitar Pasir Puteh,Kelantan” (Disertasi, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 2004).Lihat Sharifah Nur Abu, “*Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak*”, 7.
7 Razmi@ Hilmi Mohamad @ Sulaiman, “Hubungan antara pengamalan solat fardu dengan perilaku delinkuen pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Daerah Keningau Sabah,” (Disertasi, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 2015).
8 Hilmi Ismail, “Pengamalan Solat Fardu di kalangan mahasiswa di TATI Universtiy Collage (TATIUC) Kemaman, Terengganu, (Disertasi, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 2010).
9 Siti Rokiah Abd Ghani, “Amalan Solat di Kalangan Pelajar : Kajian di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Selangor,” (Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, 2007).

10 Othman Mohamed, *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan*, Serdang : Universiti Putra Malaysia, 2001), 27.
11 Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 37.
12 *Ibid*, 37.
13 Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan* (Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999), 37.
14 *Ibid*, 30
15 Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodlogi Penyelidikan Islam* (Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 45
16 Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*,45.

Sekaran (2000) nilai alfa ini boleh diterima kerana telah melepasi nilai 0.6 seperti yang telah disarankan oleh kebanyakan penyelidik sains sosial. Hair *et al.*, (2006) menyarankan alfa di bawah 0.5 tidak boleh diterima, manakala nilai 0.60 ke atas adalah biasa, 0.70 lebih dari biasa, 0.80 adalah membanggakan dan jika lebih dari 0.90 adalah sangat baik. Hasil daripada kajian ini, menunjukkan nilai alfa di antara 0.856.

Jadual 1: Nilai Skor *Cronbach’s Alpha* bagi setiap Bahagian dalam Borang Soal Selidik

Bil	Perkara	<i>Cronbac’s Alpha</i>
1	Kefahaman Tentang Solat Fardu	0.771
2	Faktor-Faktor Pendorang Pengamalan Solat Fardu	0.733
3	Sikap Pelajar Terhadap Amalan Solat Fardu	0.856

E) Metode Analisis Kajian. Sumber dan maklumat yang diperolehi ialah dalam bentuk kuantitatif. Data yang diperolehi daripada soal selidik dimasukkan ke dalam computer dan diproses menggunakan *Stastical Package for the Social Sciences (SPSS) version 22.0*. Data kemudiannya dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi (t-test). Analisis statistik deskriptif digunakan untuk mencari nilai min dan peratus.

ANALISIS DATA

Dapatan Kajian. Hasil analisis menunjukkan bahawa responden yang mempunyai kefahaman serta kesedaran tentang kewajipan solat fardu adalah memuaskan dengan peratusan sebanyak 80% Namun, tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat fardu masih kurang memuaskan.

Jantina	Kekerapan	Peratus	Peratus Berkumpul
Lelaki	56	56.0	56.0
Perempuan	44	44.0	100.0
Jumlah	100	100.0	



Rajah 1

Rajah 1 di atas menunjukkan frekuensi pelajar lelaki dan perempuan. Terdapat seramai 56 orang pelajar lelaki (56%) dan 44 orang perempuan (44%) dari keseluruhan 100 orang pelajar UiTM Kelantan kampus Kota Bharu, pelajar baharu sepenuh masa kemasukan September 2017 di peringkat pengajian Ijazah Pertama yang terdiri daripada 5 program pengajian iaitu Perbankan Islam, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Pengurusan Kewangan dan Statistik, serta Sains Komputer & Matematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden lelaki adalah seramai 56 orang(56%), dan perempuan seramai 44 orang (44%).

Berdasarkan kepada agihan soal selidik yang diedarkan ke atas 100 responden, dapatan analisis Bahagian B (Kefahaman tentang Solat Fardu) seperti dalam jadual 1. mendapati purata min bagi keseluruhan item 1-5 ialah 4.75. Nilai min tertinggi ialah 4.81 merujuk kepada Item ke 4. Ia tentang kewajipan menunaikan solat fardu walau dalam keadaan apa sekalipun, mencatatkan peratus tertinggi 82% responden menyatakan sangat setuju. Item ke 1 dan Item ke 5 mencatatkan peratusan yang sama, 80% responden memilih skala sangat setuju. Nilai min terendah ialah 4.62 pada Item ke-3 mengenai mengetahui, memahami dan melaksanakan syarat-syarat sah solat, perkara sunat dan yang membatalkan solat serta 13 rukun solat dengan peratusan terendah 62% responden menyatakan sangat setuju. Petunjuk skala sangat setuju menggambarkan bahawa responden bersetuju dan signifikan dengan kefahaman responden tentang solat fardu dapat memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah.

Jadual 2: Analisis Item Kefahaman Tentang Solat Fardu

		PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Saya mengetahui solat fardu adalah rukun Islam ke 2 dan diwajibkan ke atas setiap orang Muslim.	-	1.0	-	19.0	80.0	4.78
2	Saya menunaikan solat fardu seharian mengikut panduan dari Mazhab al-Shafi’i.	-	-	-	25.0	75.0	4.75
3	Saya mengetahui dan memahami syarat-syarat sah dan perkara sunat, perkara yang membatalkan solat dan melaksanakan 13 rukun dalam solat.	-	-	-	38.0	62.0	4.62
4	Saya menyedari bahawa solat fardu wajib ditunaikan walau dalam keadaan apa sekali pun mengikut kemampuan.	-	-	1.0	17.0	82.0	4.81
5	Saya mengetahui bahawa amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah pada hari akhirat ialah amalan solat fardu.	-	-	-	20.0	80.0	4.80
PURATA MIN KESELURUHAN							4.75
Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju [√] SS= Sangat Setuju							

Jadual 3 di bawah pula, menunjukkan tentang faktor-faktor pendorong pengamalan solat fardu, dengan nilai min keseluruhan item 1-5 ialah 4.51. Nilai min tertinggi ialah 4.65 pada item no 1 tentang mendapat didikan agama sejak kecil dan mendapat kesedaran diri untuk menunaikan solat fardu. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan nilai min ke 2 tertinggi selepas itu pada item ke 2, di mana latar belakang keluarga yang menitikberatkan amalan solat fardu sejak kecil. Ini membuktikan bahawa anak-anak perlu diberikan pendedahan didikan agama sejak kecil dengan membiasakan diri mereka menunaikan solat fardu. Peranan ibu bapa sangat besar dalam memastikan anak-anak mendapat didikan agama yang sempurna sejak kecil. Nilai min terendah ialah 4.47 pada item ke 4, iaitu rakan banyak mendorong untuk menunaikan solat fardu dan menunaikan solat secara berjemaah, dengan mencatat peratusan terendah 49% yang menyatakan sangat setuju.

Jadual 3: Analisis Item Faktor –Faktor Pendorong Pengamalan Solat Fardu

		PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Saya mendapat didikan agama sejak kecil dan mendapat kesedaran tentang kewajipan solat Fardu.	-	-	3.0	29.0	68.0	4.65
2	Latar belakang keluarga saya yang menitikberatkan amalan solat fardu sejak kecil .	-	-	2.0	34.0	64.0	4.62
3	Saya ada mendengar kuliah agama tentang keutamaan solat fardu dan ada membaca buku-buku tentang Solat.	-	-	6.0	43.0	51.0	4.45
4	Rakan saya banyak mendorong saya untuk menunaikan solat fardu dan mengajak solat secara berjemaah.	-	1.0	10.0	40.0	49.0	4.37
5	Saya boleh membaca al-Quran dengan lancar terutamanya membaca surah al-Fatihah.	-		5.0	44.0	51.0	4.46
PURATA MIN KESELURUHAN							4.51
Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju [√]SS= Sangat Setuju							

Jadual 4 di bawah menunjukkan tentang sikap terhadap amalan solat fardu dan kesannya terhadap pembentukan sahsiah pelajar. Untuk melihat lebih jelas tentang dapatan soal selidik ini, pengkaji telah mencatatkan hubungan antara jantina dan sikap mereka terhadap amalan solat fardu, seperti dalam Jadual 4 mendapati purata min bagi keseluruhan item 1-5 ialah

4.61. Item ke 4 menunjukkan nilai min tertinggi 4.70. Ia berkaitan solat fardu itu dapat mendekatkan diri dengan Allah, dengan peratusan tertinggi sangat setuju 70%. Seramai 37 responden lelaki dan seramai 33 responden perempuan memilih skala sangat setuju. Item ke 1, berasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu, mencatatkan nilai min terendah, 4.48 dengan peratusan terendah 54% responden memilih sangat setuju. Ini menggambarkan bahawa ramai responden yang rasa tenang dan tidak gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu. Seramai 32 responden lelaki dan seramai 22 orang responden perempuan yang memilih skala sangat setuju.

Jadual 4: Analisis Item Sikap Terhadap Amalan Solat Fardu							
		PERATUS%					MIN
		STS	TS [X]	SS	S	SS [√]	
1	Saya berasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu.	-	-	6.0	40.0	54.0	4.48
2	Saya berasa bersalah pada diri sendiri dan berdosa kepada Allah jika sengaja meninggalkan solat fardu.	-	-	1.0	36.0	63.0	4.62
3	Saya rasa tenteram dan tenang hati jika dapat menunaikan solat fardu di awal waktu secara berjemaah.	-	-	2.0	39.0	59.0	4.57
4	Saya menyedari bahawa solat fardu itu dapat mendekatkan diri seseorang itu kepada Allah.	-	-	-	30.0	70.0	4.70
5	Saya mengetahui bahawa solat fardu itu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil seseorang.	-	-	-	31.0	69.0	4.69
PURATA MIN KESELURUHAN							4.61
Skala : STS=Sgt Tidak setuju TS= Tidak Setuju[X] SS= Sederhana Setuju S= Setuju[√] SS= Sangat Setuju							

Hubungan antara jantina dan sikap terhadap amalan solat fardu

Jadual 5.1: Rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu					
	Jantina	Bilangan	Min	Std. Deviation	Std. Error Mean
Tidak tenang dan gelisah sekiranya lewat Solat Fardu	Lelaki	56	4.52	.603	.081
	Perempuan	44	4.43	.625	.094

Dapatan pada Jadual 5.1 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki (M= 4.52, SD=0.603), mengatasi pelajar perempuan (M=4.43, SD= 0.625) dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama.

Jadual 5.2: Independent Samples Test										
		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
										Lower Upper
Tidak tenang dan Gelisah Jika Solat Lewat	Equal variances assumed	.128	.722	.697	98	.487	.086	.123	-.159	
	Equal variances not assumed			.694	90.872	.489	.086	.124	-.160	.332

Dapatan dalam Jadual 5.2 di atas menunjukkan min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara **tidak signifikan**. p >0.05.

Laporan.
Berdasarkan Jadual 5.2 didapati nilai t bagi perbandingan rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki dan perempuan ialah t = 0.694 dan tahap signifikan p =0.489. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (Rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu).

Jadual 6.1: Rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah					
	Jantina	Bil	Min	Std. Deviation	Std. Error Mean
Tenteram dan Tenang Hati Jika Solat Awal berjemaah	Lelaki	56	4.54	.571	.076
	Perempuan	44	4.61	.493	.074

Dapatan pada Jadual 6.1 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar perempuan pula (M=4.61, SD= 0.493) mengatasi pelajar lelaki (M= 4.54, SD=0.571), dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama.

Jadual 6.2: Independent Samples Test										
		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
										Lower Upper
Tenteram dan Tenang Hati Jika Solat Awal berjemaah	Equal variances assumed	2.848	.095	-.719	98	.474	-.078	.108	-.293	
	Equal variances not assumed			-.732	97.104	.466	-.078	.106	-.289	.133

Dapatan dalam Jadual 6.2 di atas menunjukkan min bagi item rasa rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara **tidak signifikan**. p >0.05

Laporan.
Berdasarkan Jadual 6.2 didapati nilai t bagi perbandingan rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar lelaki dan perempuan ialah t = -0.732 dan tahap signifikan p =0.466. Tahap signifikan ini lebih besar daripada 0.05 (p>0.05). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (Rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah).

PERBINCANGAN

KESAN PELAKSANAAN SOLAT FARDU KEPADA PEMBENTUKAN SAHSIAH PELAJAR

Berdasarkan Jadual 2 : tahap kefahaman pelajar terhadap keutamaan menunaikan solat fardu, Jadual 3 : Faktor-faktor pendorong pelajar mendapat kesedaran menunaikan solat fardu serta Jadual 4 : Sikap pelajar terhadap amalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah yang menunjukkan maklumat keseluruhan item 1-5, hasil dapatan menunjukkan bahawa purata nilai min keseluruhan bagi ketiga-tiga jadual tersebut ialah 4.62. Nilai min tertinggi iaitu 4.75 adalah pada Jadual 2 manakala nilai min terendah iaitu 4.51 pada Jadual 3.

Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa kesan pelaksanaan solat fardu kepada pembentukan sahsiah pelajar dapat dilihat kepada nilai min tertinggi dalam Jadual 2. Ia berkaitan tahap kefahaman pelajar terhadap keutamaan

menunaikan solat fardu adalah signifikan kerana item ke 4 mengenai solat fardu wajib ditunaikan walau dalam keadaan apa sekali pun mengikut kemampuan menggambarkan bahawa responden sangat mengambil berat tentang kewajipan menunaikan solat walaupun dalam keadaan apa sekalipun. Kebanyakan repsonden telah memilih skala sangat setuju dengan peratus sebanyak 82%. Ia juga mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 4.81.

Hubungan antara jantina dan sikap terhadap amalan solat fardu pula dilihat kepada dua pemboleh ubah yang bertentangan iaitu item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu dan item rasa tenteram dan rasa tenang hati jika dapat menunaikan solat fardu di awal waktu secara berjemaah. Analisis pada item pertama seperti dalam Jadual 5.1 menunjukkan lelaki (n=56) dan perempuan (n=44) kedua-duanya memilih skala sangat setuju bahawa mereka rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu dengan frekuensi 32 dan 22.

Dalam kajian ini, analisis statistik yang digunakan adalah *independent sample t-test* kerana ingin membandingkan 2 kumpulan dan DV berskala (dalam bentuk skor) Jika lihat pada Jadual 5.1 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki (M= 4.52, SD=0.603), mengatasi pelajar perempuan (M=4.43, SD= 0.625) dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Dapatan dalam Jadual 5.2 di atas menunjukkan min bagi item rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara **tidak signifikan**. (p >0.05.). Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (rasa tidak tenang dan gelisah sekiranya terlewat menunaikan solat fardu).

Jadual 6.1 di atas menunjukkan nilai min bagi item rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar perempuan pula (M=4.61, SD= 0.493). mengatasi pelajar lelaki (M= 4.54, SD=0.571), dalam hubungan antara jantina dan sikap terhadap pengamalan solat fardu. Ini bermakna rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah bagi pelajar lelaki dan perempuan adalah hampir sama. Dapatan dalam Jadual 6.2 di atas menunjukkan min bagi item rasa rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah antara kedua kumpulan lelaki dan perempuan berbeza secara **tidak signifikan**. p >0.05. Jadi, tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam perbandingan ini (rasa tenteram dan tenang hati jika solat fardu di awal waktu secara berjemaah).

CADANGAN

Hasil dapatan kajian ini, dicadangkan pihak pengurusan agar memberikan menekankan terhadap pelaksanaan solat dan kesedaran kepada pelajar tentang kepentingannya. Di sini dikemukakan beberapa kepentingan kajian ini dilakukan antatanya:

- 1- Membantu pengurusan UiTM Kelantan kampus Kota Bharu untuk merangka beberapa program terhadap pembentukan sahsiah pelajar.
- 2- Membimbing pelajar-pelajar di UiTM Kelantan kampus Kota Bharu untuk meningkatkan tahap kefahaman solat fardu.
- 3- Membentuk sahsiah pelajar melalui pendekatan bengkel solat atau program pemantapan solat fardu yang sempurna.

RUJUKAN

Abī Bakr Jābir al-Jazā’iriy, *Minhāj al-Muslim*. Madinah al-Munawwarah : Maktabah al-Ulūm wa Hikām, 2000.

Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Islam*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.

Amran Kasimin, *Bagaimana Mencegah kejahatan Melalui Sembahyang*. Kuala Lumpur : Dinie Publisher, 1992.

Hilmi Ismail, “Pengamalan Solat Fardu di kalangan mahasiswa di TATI Universtiy Collage (TATIUC) Kemaman, Terengganu”, Disertasi, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 2010

Muṣṭafa Khin dan Muṣṭafa Bugho, *Fiqh Manhājī ‘ala Mazhab Imām al-Syafi’ī*. Dimasq : Dār al- Qalam, 1998.

Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004.

Mohd Najib Abdul Ghafar, *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia, 1999.

Mohd Suhardi Mat Jusoh, “Pengabaian Solat Fardhu di kalanagan remaja : Kajian di Sekolah Menengah di sekitar Pasir Puteh, Kelantan.” Disertasi, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 2004.

Othman Mohamed, *Penulisan Tesis dalam bidang Sains Sosial Terapan*, Serdang : Universiti Putra Malaysia, 2001.

Razmi@ Hilmi Mohamad @ Sulaiman, “Hubungan antara pengamalan solat fardu dengan perilaku delinkuen pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Daerah Keningau Sabah.” Disertasi, Universiti Malaya : Kuala Lumpur, 2015.

Siti Rokiah Abd Ghani, “Amalan Solat di Kalangan Pelajar : Kajian di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam, Selangor.” Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia : Bangi, 2007.

Laman Sesawang

Hasna Bidin, et. al, “Kefahaman Ibaat Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Muslim : Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka”, laman sesawang *google scholar*, dicapai 16 Januari 2018, <http://www.sainshumanika.utm.my/index.php/sainshumanika/article/view/663>

Sharifah Nur Abu, “Pengamalan Solat Fardu dalam kalangan Pelajar Politeknik Kuching, Sarawak”, laman sesawang *google scholar*, dicapai 16 Januari 2018, <http://dspace.poliku.edu.my/jspui/bitstream/123456789/636/1/Pengamalan%20solat%20fardhu%20di%20PKS.pdf>